

**DALAM PERKARA MAHKAMAH MAJISTRET DI JOHOR
BAHRU**

DALAM NEGERI JOHOR, MALAYSIA

[GUAMAN NO: JA-A72M-253-05/2020]

MOHAMMAD FERDAUS BIN SHASUKHAINI

[No.K/P : 880204235521]

... PLAINTIF

DAN

1. CIMB ISLAMIC BANK BERHAD

[No.SYARIKAT : 671380-H]

2. SIME DARBY AUTO CONNEXION SDN BHD

[No.SYARIKAT : 68602-V]

3. AUTO LUMINA SDN BHD

[No.SYARIKAT : 474757-H]

... DEFENDAN-DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(BICARA PENUH)

PRAEFATIO:

[1] Ini merupakan Alasan Penghakiman bagi kes rayuan Plaintiff yang tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Majistret Sivil (1) Johor Bahru pada 20.04.2023 di mana Mahkamah telah memutuskan menolak Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga. Rayuan ini adalah terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah tersebut.

[2] Sepanjang perbicaraan, berikut senarai saksi-saksi yang telah dipanggil memberikan keterangan:

Saksi Plaintiff	
Mohammad Ferdaus bin Shasukhaini	SP1
Muhammad Hidayat bin Zainal	SP2
Mohamad Faiz bin Md Tahir	SP3
Susilawati binti Abdul Sani	SP4
Nor Hidayah binti Hasbi	SP5
Noorzaidi bin Hussain	SP6
Saksi Defendan Kedua	
Saravanarajan a/l Rasalingam	SD1
Saksi Defendan Ketiga	
Liew Shaw Ping	SD3

RINGKASAN FAKTA KES:

[3] Plaintiff telahpun menyewa beli sebuah kenderaan jenis Ford Ranger (N-New) dengan nombor pendaftaran JSN 8824 (Kenderaan tersebut). Semasa berjalannya prosiding kes ini, Kenderaan tersebut telah menjadi milikan sepenuhnya ke atas Plaintiff kerana bayaran penuh telahpun dibuat kepada Bank Pembiaya iaitu Defendan Pertama. Tuntutan terhadap Defendan Pertama telah dibatalkan menerusi Perintah Mahkamah bertariikh 14.12.2020 di hadapan Puan Majistret lain.

[4] Defendan Kedua pula sebagai pengeluar/pengedar Kenderaan tersebut. Defendan Ketiga adalah penjual Kenderaan tersebut dan telahpun mengeluarkan satu Waranti pembaikan kepada Plaintiff pada masa tersebut yang mana jika terdapat apa-apa kerosakan berkaitan Kenderaan tersebut maka Defendan Ketiga akan membaikinya mengikut terma-terma yang ditetapkan.

[5] Beberapa hari selepas Plaintiff diserahkan Kenderaan tersebut, semasa memandu, Plaintiff mendapati Kenderaan tersebut kekurangan air radiator, fungsi gear terganggu dan tidak sempurna, Kenderaan tersebut hilang kuasa serta terdapat bunyi pada bahagian enjin dan bahagian hadapan.

[6] Pada 15.10.2018, sekali lagi kerosakan telah berlaku ke atas Kenderaan tersebut di mana tiba-tiba tidak berfungsi dan tidak dapat bergerak menyebabkan terpaksa ditunda. Kerosakan yang dialami adalah kerosakan pada kotak gear dan beberapa komponen perlu diganti.

[7] Secara materialnya, pembaikan Kenderaan tersebut memakan selama (7) bulan yang mana Plaintiff diberikan kenderaan ganti yang tidak sama jenis dengan kenderaan jenis pacuan 4 roda. Rentetan itu, Plaintiff mendakwa Defendan Kedua dan Ketiga gagal membekalkan Kenderaan tersebut memiliki kualiti boleh dagang, kualiti dan keadaan yang baik sepertimana dalam deskripsi dan sesuai dan selamat digunakan di jalan raya dan seterusnya menuntut gantirugi dan pampasan daripada Defendan Kedua dan Ketiga.

BEBAN PEMBUKTIAN:

[8] Beban pembuktian oleh Plaintiff adalah di tahap imbalan kebarangkalian sepertimana dinyatakan Mahkamah Persekutuan di dalam *Inas Faiqah Mohd Helmi v. Kerajaan Malaysia & Ors* [2016] 2 CLJ 885 seperti berikut:

“Standard Of Proof

[13] The standard of proof in civil cases is the legal standard to which a party is required to prove its case, namely on a balance of probabilities. In civil litigation, the question of the probability or improbability of an action occurring is an important consideration to be taken into account in deciding whether that particular event had actually taken place or not. In the case of Miller v. Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372, Lord Denning said the following about the standard of proof in civil cases:

The... [standard of proof]... is well settled. It must carry a reasonable degree of probability... if the evidence is such that the tribunal can say: ‘We think it more probable than not’ the burden is discharged, but, if the probabilities are equal, it is not. “

[9] Mahkamah juga mengambil panduan kes Mahkamah Tinggi Johor Bahru menerusi YA Shamsulbahri Haji Ibrahim JC (pada masa itu) di dalam kes *Telekom Malaysia Berhad v. Arun Ravisanderah & Anor* [2022] 1 LNS 695 menyatakan:

[26] It is trite that in a civil suit, the Plaintiff has to prove his case. S. 101 of the Evidence Act 1950 which reads:

Burden of proof

101. (1) Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts, must prove that those facts exist.

(2) When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person. “

Oleh yang demikian, berikut adalah penilaian Mahkamah.

ISU-ISU DIBICARAKAN:

[10] Mahkamah berpendapat isu teras dalam kes ini adalah sama ada wujudnya hubungan kontrak Plaintiff dengan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga? Jika jawapannya bersifat afirmatif maka barulah isu-isu lain akan dipertimbangkan oleh Mahkamah ini dan begitulah sebaliknya.

[11] Sebagai *primo*, Mahkamah telah merujuk kepada Perjanjian Sewa Beli (Selepas ini disebut Perjanjian tersebut) Kenderaan tersebut melibatkan antara Plaintiff dan Defendan Pertama selaku bank Pembiaya. Mahkamah juga merujuk kepada m/s 11 Ikatan Dokumen Bersama B yang menunjukkan wujudnya persetujuan daripada Defendan Pertama sebagai pemilik dengan Defendan Ketiga menurut Seksyen 4(1)(b)(ii) Akta Sewa Beli 1967 di dalam Perjanjian Sewa Beli Kenderaan tersebut seperti berikut:

To:

CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)

No. 165 & 167, 2nd Floor, Jalan NB2 2/2
 Taman Nusa Bestari 2,
 81300 Skudal, Johor Bahru

Date:

4/1/18

**SECOND SCHEDULE
 HIRE PURCHASE ACT, 1967
 PART II**

**(Section 4(1) (b) (ii)
 CONSENT OF PROSPECTIVE OWNER**

1. TAKE NOTICE that Mohammed Feridous Bin Shah Sukhaini
 NRIC No./Reg. No./Co. No. 900 24 2 5511 intends to enter into a Hire
 of 1st Floor, Block 8, Taman Aman, 81900 Seker, Johor
 Purchase-i agreement in respect of 1st Floor, Block 8, Taman Aman, 81900 Seker, Johor
 Vehicle No. JEN 8829 and a copy of a summary of his/its financial obligations under the proposed
 Hire Purchase-i agreement has been served on him/it/company on the 4/1/18 day of
 a copy of which is attached herewith, pursuant to section 4 (1) (b) (i) of the Hire Purchase Act, 1967.

2. If you agree to be a party as Owner in the proposed Hire Purchase-i agreement, kindly confirm by signing at the appropriate column of this document.

AUTO LUMINA SDN BHD

(474757-H)
 11,15,17, Jalan Glasiar, Taman Tasik,
 80200 Johor Bahru, Johor.
 Tel: 07-3316388
 Fax: 07-3325588

(Signature of Dealer)
 Name:
 Address:

Date:

4/1/18

165 & 167, 2nd Floor, Jalan NB2 2/2
 Taman Nusa Bestari 2,
 81300 Skudal, Johor Bahru.

We, CIMB Islamic Bank Berhad of

..... hereby agree to be a party as owner in the proposed Hire Purchase-i agreement.

For and on behalf of
 CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)

Authorised Signatory

Date:

4/1/18

<p>ACKNOWLEDGEMENT OF RECEIPT Mohammed Feridous I/We: <u>Bin Shah Sukhaini</u> hereby acknowledge receipt of this document. Signature of Hiree Date: <u>4/1/18</u></p>
--

[12] Mahkamah selanjutnya meneliti pula nexus yang wujud antara Plaintiff dengan Defendan Kedua yang mana sebagai pengeluar/pengedar Kenderaan telah mengeluarkan satu Waranti iaitu *Manufacturer's Warranty and Extended Warranty* yang berjalan selama (3) tahun ataupun 100,000km (yang mana sampai dahulu)(Selepas ini disebut Waranti tersebut) sepertimana di m/s 12-49 Ikatan Dokumen B.

[13] Keterangan SD1 pula menunjukkan Plaintiff bukannya pembeli dengan Defendan Kedua, Plaintiff juga tidak pernah menghantar servis atau baikpulih Kenderaan tersebut kepada Defendan Kedua. Mengikut

rekod juga, SD1 mengatakan Kenderaan tersebut dihantar kepada Defendan Ketiga untuk dibaiki.

[14] Mahkamah seterusnya beralih fokus kepada Defendan Ketiga pula sebagai penjual Kenderaan tersebut. SP1 telah hadir ke premis Defendan Ketiga membeli Kenderaan tersebut yang mana seorang salesman bernama Brian telah membantu SP1.SP1 juga telah diserahkan Waranti tersebut daripada Defendan Ketiga semasa mengambil Kenderaan tersebut pada 19 Januari 2018.Malah, semua kerosakan yang dialami oleh Kenderaan tersebut telahpun dibaiki oleh Defendan Ketiga walaupun telah memakan masa 7 bulan tanpa sebarang kos dikeluarkan oleh Plaintiff.Tiada juga kerosakan dilaporkan selepas itu.

[15] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, Mahkamah mendapati prinsip undang-undang berkenaan hubungan kontrak antara penyewa, pengedar, penjual dan pemilik kenderaan telahpun diputuskan menerusi Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ahmad Ismail v. Malayan Motor Company & Anor* [1973] 1 MLJ 117, Suffian FJ memutuskan di para 67:

“It is true that by exhibits P1 and P2 there was a sale by the car dealer of the car to the plaintiff on certain conditions. But ultimately these documents were superseded by the hire-purchase agreement exhibit P3 and from the language of this document it is plain that the car dealer completely faded out of the picture and the only contract that remained then was between the plaintiff and the finance company, and accordingly the plaintiff has no claim against the car dealer”.

[16] Selanjutnya prinsip kes **Ahmad Ismail** ditekankan semula oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ong Siew Hwa v. Umw Toyota Motor Sdn Bhd* [2018] 5 MLJ 281, di mana YAA Ahmad Maarop CJM menyatakan:

“[38] Applying Ahmad Ismail to the facts of this case, whatever contractual relationship between the plaintiff and the first defendant was superseded by the hire purchase agreement (exh P5). The first defendant completely faded out of the picture, and the only contract that remained was the hire purchase agreement (exh P5) entered into between the plaintiff and the second defendant. “

[17] Prinsip kes **Ahmad Ismail** dan **Ong Siew Hwa** seterusnya dirujuk oleh Mahkamah-Mahkamah lain seperti berikut:

(i) Kes *Silicon Designs (M) Sdn Bhd v. Malayan Banking Berhad* [2020] 1 LNS 352 di mana ketika mendengar rayuan Mahkamah Tinggi Johor Bahru melalui YA See Mee Chun J menyatakan:

(i) Relationship between parties

[7] The Federal Court in Ong Siew Hwa v. UMW Toyota Motor Sdn Bhd [2018] 8 CLJ 145 has made in a clear that in a situation such as this where the Plaintiff purchased the vehicle from the dealer and then obtains financing from the Defendant though the HP, it is the HP that remains as the only contractual arrangement “

(ii) Kes *Sri Siva Saravanakumar v. Affin Bank Bhd* [2022] 1 LNS 1038 di mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui YA Leong Wai Hong JC menyatakan:

“[38] Applying Ahmad Ismail to the facts of this case, whatever contractual relationship between the plaintiff and the first defendant was superseded by the hire purchase agreement (exh P5). The first defendant completely faded out of the picture, and the only contract that remained was the hire purchase agreement (exh P5) entered into between the plaintiff and the second defendant.[emphasis mine]”

(iii) Kes *Su Tiang Joo v. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia & Mercedes-Benz Malaysia Sdn Bhd* [2019] 1 LNS 570 di mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui YA Nordin Hassan J ketika mendengar permohonan Semakan Kehakiman menyatakan:

[17] On this issue, the principle of law as laid down by the Federal Court in the case of Ong Siew Hwa v. UMW Toyota Motor Sdn Bhd [2018] MLJU 673, which this court is bound to follow, is that a hire purchase agreement supersedes any contractual relationship between the plaintiff and the car dealer and the only contract that remains is between the purchaser and the finance company.

...

[19] Based on the abovementioned principle of law, there is no longer any contractual agreement between the applicant and the 2nd respondent upon the signing of the hire purchase agreement between the applicant and EON Bank Berhad. As such the applicant has no locus standi to commence any legal action against the 2nd respondent. “

(iv) Kes *Sime Darby Auto Connexion Sdn Bhd v. Jagjit Singh Sarban Singh* [2023] 1 LNS 466, Mahkamah Tinggi Shah Alam oleh YA Faizah Jamaludin J telah memutuskan seperti berikut:

“[46] The SCJ had acknowledged that the Federal Court in Ong Siew Hua had held that the Consumer Protection Act 1999 (“CPA”) and the Sales of Goods Act 1957 (“SOGA”) do not apply between the car dealer and the buyer because there is no contract of sale between them as defined under section 4 of SOGA. The SCJ had correctly accepted by reason of the doctrine of stare decisis, the decision of the Federal Court binds the Sessions Court. “

Oleh yang demikian, berdasarkan kesemua autoriti di atas, Mahkamah menyimpulkan bahawa secara asasnya tiada hubungan kontrak dan *locus standi* antara Plaintiff terhadap Defendan Kedua dan juga Defendan Ketiga dalam tuntutan ini *in toto*.

[18] Apa yang boleh disimpulkan, Mahkamah mendapati Kenderaan tersebut masih baharu yang tertakluk kepada Waranti tersebut. Hal ini bermakna, segala masalah dan kerosakan Kenderaan tersebut hendaklah dirujuk dan dibaikpulih oleh Defendan Ketiga sepertimana dijelaskan oleh SD1 dan SD3 sepanjang Waranti tersebut berkuatkuasa. Tanggungjawab Defendan Kedua pula adalah terhadap membekalkan alat-alatan yang perlu dibaikpulih mengikut Waranti tersebut sahaja.

[19] Tanggungjawab Defendan Ketiga pula adalah terhadap untuk membaikpulih kerosakan yang berlaku ke atas Kenderaan tersebut sepanjang Waranti tersebut berlangsung dan bukannya terhadap tuntutan seperti dalam kes ini. Malah, Mahkamah juga mendapati semua kerosakan Kenderaan tersebut telahpun dibaiki oleh Defendan Ketiga tanpa sebarang cas kos ke atas Plaintiff.

Sebagai panduan, Mahkamah merujuk kepada kes *Asia Pasific Information Services Sdn.Bhd v. Cycle & Carriage Bintang Bhd & Anor* [2010] 6 CLJ 681 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

“In light of the cited cases it cannot be said that the defendants had breached the implied condition of merchantable quality and fitness. The problems encountered although not minor, were not sufficiently serious or fundamental to amount to a breach of the implied condition at the time of the sale. The car after the repairs was in good condition and was roadworthy and could not be said to be “of no use” as a car in the ordinary usage by the plaintiff. The car was in a useable condition and thus merchantable.”

[20] Jika begitu, pihak manakah yang sewajarnya dimulakan tindakan oleh Plaintiff? Mahkamah ingin merujuk kembali kepada kes **Sri Siva Saravanakumar** yang mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menimbul situasi tersebut seperti berikut:

“[21] The car buyer is then left with only one option which is to sue the bank financier. In such a situation the bank financier will invariably rely on the two grounds now raised in this appeal to defeat the claim. These 2 grounds are, firstly, the buyer had inspected the car and signed the vehicle delivery order accepting the car and thus the bank financier can rely on Section 7 (2) of the Hire Purchase Act 1967 to exclude liability. Secondly, the bank financier will rely on the terms of the standard form hire purchase agreement that the car buyer has examined the car and is satisfied with the same. Besides defending the suit it would be wise for the bank financier to bring an indemnity claim against the car seller.

[22] I shall now examine these two grounds. If valid, it will mean the car buyer has no recourse against both the car seller and the bank financier even if there are defects in the car. Is the law an ass? to paraphrase an idiom which had its origin in Charles Dicken’s novel Oliver Twist The law is an ass - an idiot.
“

[21] Menerusi kes *Sri Siva Saravanakumar (supra)* di atas, Defendan sebagai Bank Pembiaya mengemukakan pembelaan dengan berlindung di bawah Klausa (d),(e) dan (f) Perjanjian Sewa Beli tersebut yang *para materia* dengan Klausa 6 Perjanjian Sewa Beli kes semasa ini yang telah menafikan segala liabiliti Bank Pembiaya atas segala kecacatan dan jaminan bahawa Kenderaan tersebut memenuhi ciri-ciri yang dikatakan oleh Plaintiff. Perjanjian Sewa beli kes tersebut juga berhubung waranti tersirat sepertimana dikehendaki oleh Akta Sewa Beli 1967 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Walau

bagaimanapun, di dalam kes tersebut Mahkamah Tinggi telah menolak pembelaan Defendan tersebut dengan memutuskan:

[24] In my view, such clauses in the Hire Purchase Agreement are only effective to exclude the liability of the financial bank if the car defects can be discovered by ordinary vigilance on examination but does not extend to any concealed or latent defects. Such an interpretation is supported by the contra proferentem [Latin meaning “against the offeror”] rule as the hire purchase agreement is a written agreement prepared by the financier bank.

[25] Similar clauses have been held by the Federal Court in Credit Corporation (Malaysia) Bhd v. Km Basheer Ahamed & Anor [1985] 1 MLJ 208 as not sufficient to exclude liability on the part of the owner financier...”

[22] Begitu juga yang berlaku di dalam kes *Silicon Designs (M) Sdn Bhd (supra)* yang mana Mahkamah Tinggi Johor Bahru memutuskan:

“[8] This bears significance as at page 169 (paragraph 44), the Federal Court went on to say that under the Consumer Protection Act, the first defendant was not the supplier of the vehicle. In the context of the present appeal, this would mean the Defendant who entered into the HP with the Plaintiff is the supplier of the vehicle to the Plaintiff which means the Consumer Protection Act 1999 (CPA) and/or the Hire Purchase Act 1967 apply”.

[23] Oleh yang demikian, jelaslah bahawa tuntutan seseorang pengguna seperti Plaintiff ke atas sesuatu waranti tersirat di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Sewa Beli 1967 dan Akta Jualan barangan 1957 atas kenderaan yang dibeli bukanlah terhadap pembekal/pengedar seperti Defendan Kedua dan penjual kereta seperti Defendan Ketiga tetapi terhadap Bank Pembiaya sebagai pemilik

Kenderaan tersebut. Mahkamah juga mendapati sebenarnya tindakan terhadap Defendan Kedua dan Ketiga oleh Plaintiff sebenarnya boleh diremedikan dengan keperluan memplidkan seksyen 8 Akta Sewa Beli 1967 sepertimana dapatan kes *Ong Siew Hwa (supra)* berikut:

“[52] We would also say in passing that the plaintiff was not without any remedy under the law in the first place. It was possible for him to plead his case under s. 8 of the HPA. “

[24] Namun, Plaintiff gagal berbuat sedemikian. Malah, berdasarkan rekod Mahkamah juga mendapati Defendan Pertama telahpun memperolehi satu Perintah Mahkamah Majistret bertarikh 14 Disember 2020 di hadapan Puan Majistret lain membatalkan tindakan saman ke atasnya dan tiada sebarang rayuan dibuat atas Perintah Mahkamah tersebut. Oleh yang demikian, memandangkan Mahkamah telah memutuskan tiadanya hubungan kontrak antara Plaintiff dengan Defendan Kedua dan Ketiga, maka tiadalah keperluan untuk membuat penilaian isu- isu lain.

KEPUTUSAN:

[25] Mahkamah juga setelah mendengar, meneliti dan mempertimbang kesemua keterangan-keterangan saksi-saksi, dokumen-dokumen, ekshibit-ekshibit, hujahan-hujahan bertulis termasuk hujahan-hujahan balas kedua-dua pihak serta dapatan yang dinyatakan di atas, maka Mahkamah berpuas hati dan memutuskan Plaintiff telah gagal membuktikan kes terhadap Defendan Kedua dan Ketiga pada tahap imbalan kebarangkalian dengan kos mengikut skala.

Bertarikh: 19 JUN 2023

(NOORFAZLIN HAMDAN)

Majistret,

Mahkamah Majistret Sivil 1 Johor Bahru

KAUNSEL:

Bagi pihak plaintif - T/n Suzana Farikah & Co

Bagi pihak defendan kedua - T/n Arifin & Partners

Bagi pihak defendan ketiga - T/n Chiong & Partners

Kes-kes yang dirujuk:

Inas Faiqah Mohd Helmi v. Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 2 CLJ 885

Telekom Malaysia Berhad v. Arun Ravisanderah & Anor [2022] 1 LNS 695

Ahmad Ismail v. Malayan Motor Company & Anor [1973] 1 MLJ 117

Ong Siew Hwa v. Umw Toyota Motor Sdn Bhd [2018] 5 MLJ 281

Asia Pasific Information Services Sdn.Bhd v. Cycle & Carriage Bintang Bhd & Anor [2010] 6 CLJ 681

Perundangan yang dirujuk:

Akta Sewa Beli 1967, ss. 4(1)(b)(ii), 8